



**KENYATAAN MEDIA  
YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN  
DAN  
MENTERI KEWANGAN II  
NEGERI SABAH**

---

**A LAPORAN HARIAN KES JANGKITAN COVID-19**

- 1 Berdasarkan laporan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, jumlah kes positif baharu COVID-19 pada hari ini adalah sebanyak **105 kes**, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak **52,373 kes**. Satu (1) kes kematian direkodkan pada hari ini iaitu di daerah Tawau. Takziah diucapkan kepada keluarga yang terlibat.
  
  
  
  
  
  
- 2 Pada hari ini, seramai 190 pesakit COVID-19 telah discaj / sembah dari hospital menjadikan jumlah kumulatif sembah 50,925 orang. Pada hari ini juga sejumlah 799 pesakit sedang menerima rawatan iaitu 300 orang di hospital, 489 orang di Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam dan 10 orang lagi di Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara. Bilangan pesakit COVID-19 dalam ICU ialah 41 orang dan 13 orang pula memerlukan alat bantuan pernafasan (*ventilated*).

- 3 Kes-kes jangkitan COVID-19 pada hari ini mengikut daerah adalah seperti berikut:



Daerah Nabawan berubah dari zon jingga ke zon merah. Sementara, Kudat dan Semporna bertukar dari zon jingga ke zon kuning.

- 4 Pada hari ini, **satu (1) kluster** baru dilaporkan.

**Kluster Sinsingon, Nabawan** pada hari ini mencatat 15 kes baharu positif menjadikan jumlah kumulatif COVID-19 sebanyak 18 kes. Kes indeks melibatkan tiga (3) individu yang dikesan positif melalui ujian RTK-Ag. Ketiga-tiga kes tidak mempunyai gejala ketika disaring masuk ke asrama pada 22 Februari 2021. Hasil saringan kontak rapat mendapati 15 daripada 30 orang ahli keluarga yang disaring, disahkan positif COVID-19. Jangkitan dipercayai berpunca sewaktu menghadiri majlis penghormatan kematian keluarga di Kampung Sinsingon, Mukim Sapulut Nabawan pada 17 sehingga 20 Februari 2021.

- 5 Daripada 105 kes positif COVID-19 yang dicatatkan, sebanyak 58 kes (55.2%) adalah berpunca dari saringan kontak rapat, saringan bergejala 16 kes (15.2%), saringan kluster baharu dan sedia ada ada 25 kes (23.8%), PERKESO satu (1) kes (1%) dan lima (5) kes (4.8%) adalah dari lain-lain kategori.
- 6 Jumlah kapasiti katil di hospital COVID-19 sebanyak 785 unit, di Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam berjumlah 3,913 unit dan jumlah katil di Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara pula 1,000 unit. Ini menjadikan jumlah kapasiti katil ialah 5,698 unit. Peratus penggunaan katil pada hari ini adalah 14.02%.

**B BANTUAN BAKUL MAKANAN (*FOOD BASKET*)**

Sehingga 24 Februari 2021, sejumlah **181,274** bakul makanan telah diagihkan kepada golongan yang terkesan dibawah Program Bantuan Prihatin COVID-19 2.0.

**C LAPORAN SEKATAN JALAN RAYA (SJR), PENGUATKUASAAN PERAIRAN SABAH, SANITASI DAN HEBAHAN UMUM *INFO ON WHEELS***

- 1 Dalam tempoh 24 jam, sebanyak 48 SJR telah dilaksana melibatkan pemeriksaan 28,437 buah kenderaan. Daripada jumlah tersebut, 23 buah kenderaan diarah berpatah balik. Pada hari ini, tiada tangkapan dibuat namun 14 kompaun dikeluarkan atas kesalahan melanggar SOP COVID-19. PDRM juga telah melaksanakan 61 hebahan melalui kereta peronda.
- 2 Penguatkuasaan SOP turut dijalankan di perairan laut Sabah oleh Pasukan Polis Marin dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) yang melibatkan sebanyak 251 pemeriksaan di kawasan Pantai Timur dan 69 pemeriksaan di perairan Kota Kinabalu dan Labuan. Pada hari ini, tiada tangkapan dilakukan.

- 3 Rondaan Agen Basmi COVID-19 (ABC-19) dan rondaan pemantauan pematuhan SOP peringkat komuniti oleh Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) dan Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) telah dilaksanakan di 474 lokasi melibatkan seramai 166 anggota APM dan 117 anggota RELA.
- 4 Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Sabah telah melaksanakan sanitasi awam di tiga (3) premis, melibatkan dua (2) buah daerah iaitu daerah Semporna dan Keningau.
- 5 Hebahan umum *Info On Wheels* Jabatan Penerangan Malaysia Sabah mengenai pematuhan SOP, amalkan 3W, elakkan 3C dan pembudayaan norma baharu, pelan Imunisasi COVID-19 dan Proklamasi Darurat telah dilaksanakan di 102 lokasi melibatkan 17 daerah. Hebahan dibuat dalam Bahasa Melayu, Bahasa Mandarin, Bahasa Inggeris dan pelbagai bahasa etnik Sabah.
- 6 Hebahan umum turut dilaksanakan oleh Unit Promosi Kesihatan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah sebanyak 347 hebahan di seluruh Sabah.

**D KADAR PEMATUHAN PENDUDUK TERHADAP SOP PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN BERSYARAT (PKPB)**

- 1 Kadar pematuhan penduduk terhadap SOP PKPB pada hari ini ialah **93.5%**. Pecahan mengikut daerah adalah seperti berikut:

BIL	DAERAH	PERATUS
1	Kudat	95%
2	Sipitang	94%
3	Beaufort	94%
4	Kota Marudu	94%
5	Semporna	94%
6	Ranau	94%
7	Kunak	94%
8	Keningau	94%
9	Beluran	94%
10	Tenom	93.5%
11	Kota Belud	93.5%
12	Kota Kinabalu	93.5%
13	Papar	93%
14	Tuaran	93%
15	Kinabatangan	93%
16	Tawau	93%
17	Lahad Datu	93%
18	Penampang	92%
19	Sandakan	92%

- 2 Pihak PDRM akan mengambil tindakan tegas terhadap mereka yang ingkar pada SOP yang sedang berkuat kuasa dengan mengenakan **kompaun RM1000.00** di bawah **Akta 342 (Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988)**.

#kitajagakita #normabaharu

**Sekian.**

**YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN  
DAN  
MENTERI KEWANGAN II  
24 Februari 2021**